

12 APR 1997

Muhammad (Analisis berita)

PERLETAKAN JAWATAN MUHAMMAD TAIB MELONJAK IMEJ MALAYSIA

Oleh: Azman Ujang

KUALA LUMPUR, 12 April (Bernama) -- Meskipun masa depan Tan Sri Muhammad Haji Muhammad Taib menjadi persoalan selepas penangkapan beliau di Brisbane Disember lepas kerana tidak mengisytiharkan kepada Kastam Australia wang tunai berjumlah RM2.4 juta yang ditemui dalam bagasinya, perletakan jawatannya sebagai Menteri Besar Selangor hari ini adalah mengejutkan.

Mesyuarat bulanan Majlis Tertinggi UMNO di sini pagi ini secara kebetulannya mempunyai agenda membincangkan mengenai punca-punca politik wang dan penyalahgunaan kuasa, tidak disangka menjadi tempat untuk mengumumkan perletakan jawatan Muhammad.

Tetapi itulah yang dilakukan oleh Perdana Menteri dan Presiden Umno Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad. Dan dilihat daripada air muka Dr Mahathir yang sugul di persidangan berita yang diadakan selepas mesyuarat itu, jelas sekali soal perletakan jawatan Muhammad merupakan sesuatu yang berat bagi ketua parti itu.

Sebahagian besar anggota Majlis Tertinggi -- badan tertinggi pembuat dasar parti -- menzahirkan pandangan masing-masing semasa perbincangan mengenai agenda itu dan difahamkan mereka bercakap secara berlapis apabila merujuk kepada masalah undang-undang yang dihadapi oleh Muhammad di Australia.

Tetapi pandangan berat Dr Mahathir sendiri terhadap perkara itu, yang berlaku di saat-saat usaha dibuat untuk memerangi habis-habisan politik wang, dipercayai telah membawa mesej kepada Menteri Besar Selangor itu untuk meletakkan jawatan.

Perkembangan yang memeranjatkan ini berlaku hanya sehari selepas sebuah mahkamah majistret di Brisbane diberitahu bahawa Muhammad bukan sahaja menghadapi tuduhan kerana gagal mengisytiharkan wang itu tetapi juga tuduhan tambahan kerana memberikan kenyataan palsu mengenai wang tunai itu yang terdiri daripada beberapa mata wang asing.

Muhammad, yang akan dibicarakan selama tiga hari mulai 19 Ogos ini, boleh dihukum denda dan penjara, jika didapati bersalah.

Kejadian itu dan laporan sebuah suratkhbar Brisbane Courier Mail baru-baru ini bahawa Muhammad telah mengumpul harta bernilai berjuta-juta ringgit di Australia atas nama isterinya, menyebabkan kedudukan beliau kini sukar untuk dipertahankan.

Dr Mahathir merupakan seorang yang berpegang kuat kepada ungkapan bahawa seseorang itu masih tidak bersalah sehinggalah dibuktikan, tetapi pada persidangan berita hari ini beliau berkali-kali mengulangi perlunya mempertahankan maruah UMNO sebagai tulang belakang parti memerintah, Barisan Nasional.

Sudah tentulah beliau juga memikirkan tentang imej dan reputasi negara sendiri, yang beliau tidak jemu-jemu mempertahankannya terutama dalam lawatan-lawatan beliau ke luar negara.

Pendirian Perdana Menteri yang mengeneipkan politik berpihak berhubung perkara itu menjadi lebih ketara apabila beliau memberitahu wartawan Khamis lalu bahawa Badan Pencegah Rasuah (ACA) bebas untuk menyiasat dakwaan berlaku rasuah dan pemilihan harta terhadap Muhammad, yang juga naib presiden UMNO.

Ini dapat dilihat daripada kenyataannya, "saya tidak mahu mempengaruhi BPR, terpulanglah kepada BPR untuk menjalankan siasatan".

Lampu hijau yang diberikan kepada BPR oleh Perdana Menteri sendiri

tidak syak lagi akan menjadikan tugas BPR lebih mudah dan dalam hubungan ini, agensi itu telah menghantar empat pegawai kanan ke Australia untuk menyiasat dakwaan pemilikan harta oleh Muhammad.

Muhammad sendiri yang berada di samping Dr Mahathir semasa persidangan berita untuk mengumumkan perletakan jawatannya itu kelihatan sugul.

Beliau dijangka akan mengadakan satu persidangan berita Isnin ini untuk menghuraikan sebab-sebab beliau mengambil keputusan itu, yang menamatkan kerjayanya sebagai Menteri Besar selama lebih 10 tahun yang penuh dengan kontroversi itu.

Ketua pembangkang Lim Kit Siang telah mengenakan tekanan di dalam dan luar Parlimen supaya Muhammad meletak jawatan untuk mengelakkan Malaysia "malu besar".

"Sekarang BPR menghadapi ujian genting sama ada ia boleh bertindak dengan berkesan dan pantas menjalankan siasatan rasuah ke atas Muhammad," kata Lim dalam mengulas mengenai berita perletakan jawatan Muhammad hari ini.

Sejak mula menjadi Menteri Besar pada Ogos 1986, Muhammad telah terlibat dengan banyak kontroversi daripada yang terdaya olehnya.

Selepas beberapa tahun memegang jawatan itu, perkahwinan sulitnya dengan puteri "paling glamour" kepada Sultan negerinya sendiri, Tengku Puteri Zahariah, menjadi topik perbualan paling hangat.

Perkahwinan itu dilaporkan mendapat kemurkaan Sultan kerana Muhammad dikatakan pada mulanya menafikan kepada baginda yang beliau telah berkahwin dengan Tengku Zahariah yang lebih dikenali sebagai Ku Yah.

Muhammad, 51, seorang yang kacak dengan ketinggian lebih dari enam kaki, sebenarnya berkahwin dengan Ku Yah pada 17 Julai 1987, kurang dari setahun selepas beliau menjadi Menteri Besar.

Dari segi politik, situasi ini agak "sumbang" dengan Sultan sebagai ketua negeri dan juga bapa mertuanya.

Bekas guru sekolah ini bukan sahaja berjaya melepasi beberapa ketegangan dengan pihak Istana tetapi juga menyaksikan kerjaya politiknya semakin meningkat dengan mendadak. Dalam pada itu beliau menceraikan Ku Yah selepas empat tahun perkahwinan yang penuh bergelora dengan membayar tuntutan perceraian dilaporkan sekitar RM16 juta.

Pada tahun 1993, beliau memenangi satu daripada tiga kerusi naib presiden UMNO dalam pemilihan parti yang dikatakan dicemari dengan dakwaan penggunaan politik wang untuk memancing undi daripada para perwakilan.

Beliau dipilih semula ke jawatan itu pada pemilihan parti tahun lepas yang menyaksikan Dr Mahathir menangis di khalayak ramai ketika membuat rayuan yang penuh emosi kepada para perwakilan supaya menolak calon-calon yang mengamalkan rasuah untuk dipilih.

Tindakan pantas yang luar biasa yang diambil hari ini supaya Muhammad meletakkan jawatan -- dan pendirian tidak campur tangan dengan siasatan BPR -- ini dapat dilihat sebagai ketegasan Perdana Menteri dalam memerangi perbuatan rasuah di kalangan orang atasan.

Ini akan melonjakkan reputasi Malaysia di arena antarabangsa dan sudah tentu akan meningkatkan keyakinan pelabur-pelabur asing sama ada yang sudahpun berada di negara ini atau sedang menunggu untuk berbuat demikian.

Dan yang paling penting sekali tindakan ini memberi amaran keras kepada mereka yang memegang jawatan awam, terutamanya ahli-ahli politik, supaya lebih berketanggungjawaban dan telus dalam tindak-tanduk mereka selaras dengan sumpah memegang jawatan yang mereka lafazkan.-- BERNAMA

AU OBA